



**MANGSA** menunjukkan laporan polis selepas mendedahkan kisah malang mereka.

# 'Appa' kemaruk layan nafsu

H/metro  
9/7/2015  
mls 27

## 12 penghuni di rumah ibadat bongkar rahsia diperkosa lebih 10 tahun

Oleh **Fardy Bunga**  
fardy@hmetro.com.my  
**Kuala Lumpur**

**S**eramai 12 penghuni yang mendiami pusat jagaan kanak-kanak di rumah ibadat di Sentul, di sini, membongkar 'rahsia gelap' mereka dicabul serta diperkosa seorang kakitangan pusat itu.

Mangsa berusia sembilan hingga 24 tahun mendakwa dijadikan pemuas nafsu oleh lelaki berusia 42 tahun itu sejak mendiami pusat berkenaan lebih 10 tahun lalu.

Seorang mangsa yang kini penuntut jurusan perubatan, Devi, 24, berkata, suspek turut mengajar kelas tambahan secara percuma kepada 60 pelajar lelaki dan perempuan.

"Saya pernah diraba berulang kali oleh lelaki itu ketika berusia 15 tahun. Namun, saya mendiamkan diri kerana masih kecil dan bimbang tindakan susulannya. "Hampir semua pelajar

perempuan yang tinggal di sana menceritakan perkara sama apabila mereka kerap dicabul termasuk ada yang dirogol," katanya pada sidang media di Brickfields, di sini, semalam.

Katanya, kebanyakan mangsa hanya menurut arahan suspek termasuk melakukan hubungan seks selepas sesi pembelajaran ataupun sembahyang.

"Setakat ini hanya tiga mangsa tampil membuat laporan polis berhubung kejadian buruk dialami," katanya.

Menurutnya, suspek akan melakukan perbuatan terkutuk itu setiap kali berpulang tanpa mengira tempat termasuk di dapur ataupun bilik pejabat di rumah ibadat itu.

"Dia memegang tubuh kami secara paksa walaupun cuba dihalang. Lelaki yang kami panggil sebagai

'Appa' (bapa) itu sering menggunakan ayat manis termasuk berjanji akan menjaga kami seumur hidupnya.

Seorang mangsa, Nusha, berkata dia dibawa suspek ke kuil di Seremban, Negeri Sembilan untuk satu upacara sembahyang.

"Apabila selesai upacara keagamaan itu, dia memberi saya minum segelas kopi menyebabkan saya tertidur dan tidak sedarkan diri. "Sebaik tersedar,

baju dalam saya teranggal dan alat sulit juga terasa sakit serta ada kesan darah. Lelaki itu yang ditanya mengaku merogol saya," katanya yang membuat laporan di Balai Polis Setapak, di sini.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Kuala Lumpur Datuk Zainuddin Ahmad mengesahkan menerima laporan kes itu dan siasatan lanjut dijalankan.

**FAKTA**  
Suspek melakukan perbuatan itu setiap kali berpulang termasuk di dapur atau pejabat